

# DANA DINAMIK OKTOBER 2024

SEMUA DATA ADALAH SETAKAT 30 SEPTEMBER 2024  
KECUALI DINYATAKAN SELAINNYA



## MAKLUMAT DANA

Tarikh Pelancaran: 25 Februari 2004

Kategori Dana/Jenis Dana: Aset Campuran (Syariah)/Pertumbuhan

Saiz Dana: RM176,911,136.31

Harga Tawaran Permulaan: RM0.5000

NAB per Unit: RM0.9455

Skim Pelaburan KWSP: Ya

No ISIN: MYU940000A14

## FI, CAJ DAN PERBELANJAAN

Fi Pengurusan Tahunan:  
Sehingga 1.25% daripada NAB Setahun

Fi Tahunan Pemegang Amanah:  
Sehingga 0.07% daripada NAB setahun tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun

Caj Jualan:  
Langsung: Sehingga 5.00% daripada NAB per Unit

KWSP:  
e-PPA: 3.0% daripada NAB per Unit  
i-Invest: 0.5% daripada NAB per Unit

Caj Jualan Balik: Tiada

Tempoh Pembayaran Jualan Balik:  
Tujuh (7) hari bekerja

## BUTIRAN TRANSAKSI

Pelaburan Permulaan Minimum:  
Jumlah Sekaligus: RM1000\*  
Pelaburan Berkala: RM100\*

Pelaburan Tambahan Minimum:  
Jumlah Sekaligus & Pelaburan Berkala: RM100\*

\* Pengurus berhak untuk meminda jumlah minimum yang ditetapkan di atas dari semasa ke semasa

## PENGAGIHAN

Polisi Agihan Pendapatan:  
Sekurang-kurangnya sekali setahun, tertakluk kepada ketersediaan pendapatan

NAB Dana:	NAB	Tarikh
52-Minggu Tinggi	1.0529	17-07-2024
52-Minggu Rendah	0.8653	05-10-2023

## Pengurus Dana


Wakil Pengurus (Pengurus Pelaburan Luar)  
- Eastspring Al-Wara' Investments Berhad

Eastspring Investments Berhad 200001028634 (531241-U)  
Level 22, Menara Prudential,  
Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange,  
Kuala Lumpur  
Tel: 603 - 2778 3888  
E-mail: cs.my@eastspring.com  
Web: www.eastspring.com/my

## OBJEKTIF DANA

Dana bertujuan untuk menyediakan pelabur dengan peningkatan modal dengan melabur secara aktif dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Untuk pertimbangan defensif, Dana mungkin melabur dalam sukuk dan instrumen pasaran wang Islamik.

## PERUNTUKAN ASET\*



1. Sekuriti Pendapatan Tetap Tidak Tersebut Harga	11.39%	10. Telekomunikasi	5.15%
2. Tunai & setara tunai	10.09%	11. Perbankan & Kewangan	4.54%
3. Pengguna Pembinaan	9.40%	12. Konglomerat	4.32%
4. Teknologi	8.73%	13. Pembuatan	2.57%
5. Penjagaan Kesihatan	8.72%	14. Pengangkutan	2.56%
6. Hartanah	7.47%	15. Automotif	1.95%
7. Kuasa / Utiliti	7.38%	16. Bahan Binaan	1.87%
8. Minyak dan Gas	6.92%	17. Perladangan / Sumber Asli	1.53%
9.	5.41%		

\* sebagai peratusan NAB.

## PEGANGAN UTAMA\*

### Pegangan Ekuiti

1. Tenaga Nasional Berhad	6.92%
2. Telekom Malaysia Berhad	3.51%
3. Gamuda Berhad	3.06%
4. IHH Healthcare Berhad	3.04%
5. QL Resources Berhad	3.01%


\* sebagai peratusan NAB.

### Pegangan Bon

1. Edotco Malaysia Sdn Bhd	2.87%
2. BGSM Management Sdn Bhd	2.85%
3. Malayan Banking Berhad	2.84%
4. Ambank Islamic Berhad	2.83%

## PRESTASI DANA

Eastspring Investments Dana Dinamik - Pulangan Sejak Dimulakan (SI) berbanding Penanda Aras



Prestasi dikira berdasarkan NAB-ke-NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula.

Sumber: Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

## JADUAL PRESTASI

	1 bulan	6 bulan	YTD	1 tahun	3 tahun	5 tahun	10 tahun	Sejak Permulaan
Dana	0.58%	4.79%	11.70%	13.32%	3.26%	24.97%	49.22%	318.21%
Penanda aras *	-0.05%	3.35%	6.80%	7.79%	3.94%	9.52%	12.75%	96.84%
Kedudukan Lipper	5 of 18	7 of 18	6 of 18	8 of 18	8 of 15	11 of 12	6 of 9	n.a.

Kategori Dana Lipper: Mixed Asset MYR Flexible - Islamic

\* 50% Financial Times Stock Exchange Bursa Malaysia Emas Shariah Index (FBMS) + 50% Maybank 12-months Islamic Fixed Deposit-i. Prestasi dana dan kedudukan Lipper diperoleh daripada Lipper for Investment Management dan penanda aras adalah daripada www.bursamalaysia.com dan www.maybank2u.com.my, 30 September 2024. Prestasi dikira berdasarkan Nilai Aset Bersih ("NAB") kepada asas NAB dengan pendapatan kasar atau dividen dilaburkan semula. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

## PENILAIAN LIPPER LEADER (KESELURUHAN)

Jumlah Pulangan	Pulangan Konsisten	Pemeliharaan	Penanda Taraf Lipper Leaders
③	④	③	Terendah ① Tertinggi ⑤

Sistem Penilaian Lipper Leaders ialah satu sistem penarafan yang membimbing pelabur dan penasihat mereka untuk memilih dana yang sesuai dengan gaya dan matlamat pelaburan individu. Ia menggunakan kriteria berpaksikan pelabur untuk menyampaikan penerangan yang ringkas lagi jelas tentang kejayaan dana memenuhi matlamat tertentu, seperti memelihara modal atau membina kekayaan melalui pulangan kukuh yang konsisten.

Penarafan Lipper Leader diperoleh daripada formula yang sangat canggih, yang menganalisis dana berdasarkan ketelusan kriteria. Setiap dana ditarafkan berbanding saham setaranya berdasarkan metrik yang digunakan (seperti Jumlah Pulangan atau Perbelanjaan), dan kemudian 20% dana teratas dalam penarafan tersebut menerima penetapan Lipper Leader. Pendekatan Lipper Leaders tidak meramalkan prestasi masa depan, tetapi ia menyediakan konteks dan perspektif untuk membuat keputusan pelaburan dana berdasarkan pengetahuan.

### ULASAN PENGURUS DANA

**Ekuiti**  
Pasaran ekuiti Malaysia menyatu pada September, tidak mengatasi prestasi pasaran serantau. Saham China meningkat dengan mantap memasuki minggu terakhir September, berikutan pengumuman rangsangan kerajaan China yang menyokong pasaran saham dan ekonomi, serta memberi tumpuan kepada penstabilan pasaran hartanah. Ramai pelabur kekurangan pegangan di China, dan terdorong untuk melompat semula ke dalam pasaran ini. Meskipun begitu, Ringgit Malaysia mencatatkan prestasi terbaiknya selepas Fed US menurunkan kadar 50 mata asas dan berita mengenai langkah rangsangan di China menggalakkan prospek perdagangan Malaysia. MYR meningkat hampir 13% QTD, mencecah paras terendah RM4.1235 pada 30 September 2024, tahap terakhir dilihat pada Jun 2021. FBM Emas Shariah menutup bulan pada 12,245.12, turun 0.34% bulan ke bulan (MoM). Indeks FBM Small Cap Shariah merosot 0.98% pada bulan ini, tidak mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah. Sektor yang mencatatkan prestasi paling teruk ialah Minyak dan Gas (-8.7%) serta Teknologi (-7.3%). Saham teknologi terus dijual lebih rendah kerana pelabur menganggap pengeksporn sebagai pihak yang rugi berikutan kekuatan MYR. Sektor yang memberi prestasi terbaik ialah Penjagaan Kesihatan (+6.9%) dan Pembinaan (5.2%). Pemain Malaysia, Glove, /Penggiat Sarung Tangan Malaysia mencatat peningkatan harga saham susulan berita bahawa wakil Perdagangan US merancang untuk menaikkan tarif import ke atas sarung tangan China kepada 50% pada tahun 2025 dan 100% pada tahun 2026. Nilai purata yang didagangkan di Bursa pada September ialah RM3520 juta, lebih rendah sebanyak 8.3% MoM.

#### Pendapatan Tetap

Pada Ogos, Indeks Harga Pengguna (CPI) utama Malaysia berada pada 1.9% YoY (Julai: 2.0%), manakala inflasi teras kekal stabil pada 1.9% YoY. Kadar pengangguran masih stabil pada 3.3%, di bulan Julai. Rizab antarabangsa BNM berjumlah USD119.7 bilion pada akhir September (Julai: USD116.8 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 4.8 bulan import dan ianya 0.9x daripada jumlah hutang jangka pendek luar negeri. Ringgit mengukuh lebih lanjut pada September 2024, meningkat sebanyak 5.1% berbanding Dolar US (RM4.11 berbanding akhir Ogos: RM4.32), didorong terutamanya oleh pemotongan 50 mata asas dalam kadar dana Fed, serta usaha penyalajaran yang berterusan oleh Kerajaan dan BNM untuk menggalakkan penghantaran pulang dan penukaran hasil pendapatan asing dari syarikat dan korporat berkaitan kerajaan. Harga minyak mentah melonjak kepada USD80.93 pada 7 Oktober (akhir September: USD71.77) di tengah-tengah kebimbangan ketegangan Timur Tengah yang semakin meruncing dan kesannya terhadap bekalan minyak global. Pergerakan harga minyak dalam tempoh terdekat mungkin dipengaruhi oleh permintaan dan penawaran serta risiko gangguan bekalan akibat konflik di Timur Tengah.

### CIRI-CIRI PORTFOLIO SETAKAT 30 SEPTEMBER 2024

	Nilai
Purata Tempoh (tahun)	2.52
Purata Hasil hingga Matang (%)	3.77

Nota: Portfolio ini mewakili bahagian Pendapatan Tetap Dana.

### MAKLUMAT LAIN MENGENAI DANA

Tahun	2019	2020	2021	2022	2023
Prestasi Tahunan Dana (%)	7.23	14.77	2.29	-8.98	3.14
Prestasi Tahunan Penanda Aras (%)	3.56	6.63	-2.44	-4.27	1.78
Tarikh/Agihan (RM)	18 Sep, 0.0435	21 Sep, 0.0398	20 Sep, 0.0346	19 Sep, 0.0348	15 Sep, 0.0391
Hasil Agihan (%)	4.51	3.96	3.23	3.81	4.30

Sumber: Agihan dan Hasil Agihan diperoleh daripada Laporan Tahunan dana. Dana dan Penanda Aras bagi tahun semasa adalah berdasarkan angka Sejak Awal Tahun Sehingga Kini (YTD) yang diperoleh daripada Lipper for Investment Management. Prestasi masa lalu tidak semestinya menunjukkan prestasi masa hadapan.

### MAKLUMAT PENTING

Berdasarkan pulangan portfolio Dana setakat 30 September 2024, Faktor Kemeruapan (VF) Dana ini ialah 8.1 dan diklasifikasikan sebagai "Rendah" (Sumber: Lipper). "Rendah" secara amnya termasuk dana dengan VF yang lebih tinggi daripada 5.04 tetapi tidak lebih daripada 9.025. VF bermakna terdapat kemungkinan Dana akan menjana pulangan menaik dan pulangan menurun di sekitar VF ini. Kelas Kemeruapan (VC) diberikan oleh Lipper berdasarkan tahap kuintil VF ke atas dana yang layak. VF tertakluk kepada semakan bulanan. VF Dana mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada VC, bergantung pada keadaan pasaran. Portfolio Dana mungkin telah berubah sejak tarikh ini dan tiada jaminan bahawa Dana akan terus mempunyai VF atau VC yang sama pada masa hadapan. Pada masa ini, hanya dana yang dilancarkan di pasaran untuk sekurang-kurangnya 36 bulan akan memaparkan VF dan VCnya.

Pelabur dinasihatkan membaca dan memahami kandungan Eastspring Investments Master Prospectus bertarikh 15 Julai 2017, Eastspring Investments First Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2018, Eastspring Investments Second Supplementary Master Prospectus bertarikh 31 Oktober 2018, Eastspring Investments Third Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Januari 2019, Eastspring Investments Fourth Supplementary Prospectus bertarikh 1 Ogos 2019, Eastspring Investments Fifth Supplementary Master Prospectus bertarikh 1 Oktober 2020, Eastspring Investments Sixth Supplementary Master Prospectus bertarikh 15 Disember 2021, Eastspring Investments Seventh Supplementary Master Prospectus bertarikh 30 Disember 2022, Eastspring Investments Eighth Supplementary Master Prospectus bertarikh 2 Februari 2024 (secara kolektif, "Prospektus"), serta Product Highlights Sheet ("PHS") Dana sebelum melabur. Prospektus dan PHS boleh didapati di pejabat Eastspring Investments Berhad atau pengedar sahnya dan pelabur mempunyai hak untuk meminta salinan Prospektus dan PHS.

Iklan ini belum disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Prospektus telah didaftarkan dengan SC yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Pendaftaran Prospektus dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengendors produk tersebut. Unit hanya akan dikeluarkan setelah menerima borang permohonan yang disertakan dengan Prospektus. Prestasi lampau Dana bukanlah petunjuk prestasi masa hadapan Dana. Harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun dan juga naik. Apabila pecahan/agihan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa susulan pengeluaran unit tambahan/agihan, Nilai Aset Bersih ("NAB") seunit akan dikurangkan daripada NAB pra-pecahan unit/merangkap NAB agihan kepada NAB pasca-pecahan unit/NAB selepas pengagihan. Apabila pecahan unit diisytiharkan, pelabur dinasihatkan bahawa nilai pelaburan mereka dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas terbitan unit tambahan. Pelaburan dalam Dana terdedah kepada risiko keselamatan, risiko kredit atau lalai, risiko kadar faedah dan risiko pengelasan semula status Syariah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko ini dan risiko am lain seperti yang diuraikan dalam Prospektus serta yuran, caj dan perbelanjaan yang terlibat sebelum melabur. Pelabur juga mungkin ingin mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional sebelum membuat komitmen untuk melabur dalam unit mana-mana dana kami.

Eastspring Investments ("Eastspring") ialah anak syarikat milik penuh Prudential plc. Prudential plc, diperbadankan dan didaftarkan di England dan Wales. Pejabat berdaftar: 1 Angel Court, London EC2R 7AG. Nombor berdaftar 1397169. Prudential plc ialah syarikat induk, dengan beberapa anak syarikatnya diberi kuasa dan dikawal, mengikut mana yang berkenaan, oleh Pihak Berkuasa Insurans Hong Kong dan pihak berkuasa kawal selia yang lain. Prudential plc tidak bergabung dalam apa jua cara dengan Prudential Financial, Inc., sebuah syarikat yang tempat perniagaan utamanya adalah di Amerika Syarikat atau dengan Prudential Assurance Company Limited, anak syarikat M&G plc. Sebuah syarikat yang diperbadankan di United Kingdom.